

KAJIAN KES PERBEZAAN JANTINA DALAM PEMBENTUKAN SAHSIAH MUSLIM PELAJAR

Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin

Pusat PERMATA Insan
Universiti Sains Islam Malaysia, Kompleks PERMATA Insan,
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
E-mail Penulis: wanz@usim.edu.my

Abstrak

Pembentukan sahsiah muslim merupakan teras kepada pendidikan Islam. Hal ini jelas kerana Islam diwahyukan demi menyempurnakan akhlak yang mulia. Makalah ini mengkaji persepsi pelajar terhadap pelaksanaan program pembentukan sahsiah Muslim di sekolah agama IMTIAZ. Tiga pemboleh ubah yang dikaji, iaitu pengetahuan, sikap dan amalan berdasarkan tiga komponen utama sahsiah Muslim yang terdiri daripada rohani, jasmani dan akal. Bagi mendapatkan data yang diperlukan, sebanyak 600 responden telah dijadikan sampel kajian daripada seluruh sekolah IMTIAZ di Terengganu. Set soal selidik yang dibina pengkaji diuji terlebih dahulu untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan sebelum diedarkan kepada sampel kajian yang sebenar. Analisis *Cronbach Alpha* telah digunakan untuk menguji tahap ketekalan dengan aras bacaan 0.6 hingga 1.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan dalam kalangan pelajar lelaki bagi komponen sahsiah Muslim adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan.

Kata Kunci: Pembentukan, Sahsiah, Muslim, pelajar, IMTIAZ

1.0 PENDAHULUAN

Sesungguhnya ketamadunan sesuatu bangsa itu ditandai dengan akhlak yang luhur. Ia sangat penting dan dominan dalam Islam (Mohd Nasir, 2013: 61). Maka amat wajar sekali ajaran Islam yang menekankan peri pentingnya pembentukan akhlak agar setiap muslim itu mempunyai sahsiah yang sepatutnya. Hal ini jelas diterangkan dalam al-Quran al-Ahzab 21: 33 betapa nabi Muhammad SAW merupakan model sahsiah yang sebenar yang menjadi panduan atau manual kepada setiap muslim. Menerusi didikan langsung Allah Taala kepada Rasulullah SAW maka para sahabat RA juga mendapat didikan dan asuhan daripada Baginda SAW sehingga menjadi manusia yang tinggi akhlak dan budi pekertinya.

Oleh itu, pembentukan sahsiah sebenarnya banyak dibentuk oleh pendidikan, sama ada secara formal atau tidak formal. Pada era ini, pendidikan di sekolah merupakan tempoh masa yang perlu dilalui oleh setiap individu demi melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan juga kemahiran. Maka menjadi tanggungjawab pendidik untuk membentuk dan membina sahsiah seorang pelajar itu sebagaimana yang sepatutnya. Terdapat pelbagai pendekatan pendidikan diperkenalkan demi memastikan pembangunan manusia menurut keperluan dan kepercayaan sesebuah masyarakat. Pendekatan pendidikan yang pelbagai ini sudah tentu mempunyai kesan dan falsafah yang tersendiri.

Gejala sosial yang melanda masyarakat khususnya golongan remaja dan belia amat membimbangkan. Pelbagai bentuk salah laku yang sering didedahkan menyebabkan masyarakat berusaha untuk menangani dengan tepat dan berkesan. Menurut Zakaria (2012) hanya manusia yang kontang dan muflis aspek

pegangan akidah dan pengisian kerohanian mendorong mereka menjadi terpesong dan tergamak melakukan semua perlakuan sebegini.

Sekolah Menengah Agama IMTIAZ Terengganu (IMTIAZ) merupakan sekolah yang berusaha dalam melaksanakan pendidikan Islam secara holistik. Penerapan ilmu agama dan sains secara bersepadu dan seimbang bertujuan untuk melahirkan insan yang ideal lagi cemerlang dari aspek akademik dan juga penampilan. Namun kejayaan melahirkan insan yang bersahsiah Islam belum dinilai secara ilmiah ke atas pelajar IMTIAZ. Hal ini kerana kejayaan akademik tidak selalunya melambangkan kejayaan pembentukan sahsiah. Bahkan masalah disiplin dan kegagalan mengikuti program yang dianjurkan oleh pihak sekolah masih wujud (Laporan Bulanan Sekolah IMTIAZ 2009).

Oleh itu, satu kajian yang khusus perlu dilakukan untuk meneliti apakah kaedah yang telah dilaksanakan itu memberikan hasil yang sepatutnya kepada institusi berkenaan. Lantaran itu, dapatan kajian ini dijangka akan memberi impak kepada penilaian sahsiah muslim dalam kalangan pelajar Islam di sekolah-sekolah agama yang lain di Malaysia. Bagi memastikan kajian ini terfokus dan sesuai dengan ruang perbincangan yang terbatas, maka objektif utama kajian ini ialah untuk meneliti kesan kaedah pembentukan sahsiah berdasarkan perbezaan jantina.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Pandangan ulama berkenaan sahsiah muslim ini telah lama dibincangkan. Persamaan yang paling nyata ialah masing-masing menghuraikan sahsiah muslim itu berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Antara ulama yang paling tersohor dalam membincangkan hal ehwal pembentukan sahsiah ini ialah al-Ghazali (1111M).

Menurut al-Ghazali, terdapat lima komponen utama yang membentuk sahsiah muslim, iaitu jiwa, jasad, hati, ruh dan akal (Raba 2008). Sahsiah yang seimbang berdasarkan kriteria ini merupakan sahsiah yang terbaik. Meskipun begitu, pandangan al-Ghazali ini begitu luas dan berkait rapat dengan perbincangan falsafah.

Karangan oleh Al-Ghamidi (2003) menjelaskan bahawa sahsiah muslim iaitu *al-Insan al-Salih* menurut istilah beliau ialah holistik dan sepadu, seimbang, positif dan realistik. Ciri-ciri yang digariskan ini juga begitu abstrak dan memerlukan tafsiran yang mendalam. Oleh itu, kajian ini perlu meneliti dengan lebih dekat lagi karya ini untuk memastikan maksud pengarang dapat ditanggapi dengan betul dan tepat.

Pandangan yang hampir sama diutarakan oleh al-Turki (2006) berhubung dengan komponen yang diambil kira dalam pembentukan sahsiah seorang individu. Menurut beliau komponen itu boleh dibahagikan kepada tiga sahaja, iaitu aspek jasmani, aspek akal dan aspek rohani. Pandangan al-Turki juga selari dengan pandangan Nasih ^oUlwan (2003) yang membahagikan komponen pembentukan sahsiah itu dibentuk oleh tiga komponen utama, iaitu jasmani, ruhani dan akal.

Pandangan mengenai sahsiah muslim ini telah dijelaskan lagi secara amali oleh al-Hashimi (2002). Menurut pandangan beliau, sahsiah muslim itu harus mengambil kira sembilan komponen, iaitu hubungan dengan Tuhan, diri sendiri, ibu bapa, isteri/suami, anak-anak, saudara kerabat, jiran tetangga, saudara beradik dan sahabat handai dan masyarakat. Setiap kriteria ini perlu mematuhi beberapa perkara dari segi pergaulan, amalan, kepercayaan dan sebagainya selaras dengan ajaran Islam.

Apabila dibandingkan pandangan ulama berkenaan sahsiah muslim ini, ternyata mereka sepakat bahawa individu itu mesti mengambil kira dua aspek penting, iaitu jasmani dan rohani. Manakala akal pula mengawal keseimbangan, kesepaduan kedua-dua aspek ini agar individu itu dapat menzahirkan sahsiah

muslim yang sebenarnya berteraskan ajaran Islam. Hal ini kerana kemampuan akal adalah terbatas (Mohd Asri et al., 2007).

2.1 Komponen Sahsiah Muslim

Agama Islam sebagai sebuah agama yang sesuai kepada semua manusia mencakupi semua dimensi kehidupan. Justeru aspek pembentukan sahsiah individu juga diberi perhatian yang khusus kerana mereka merupakan khalifah di muka bumi ini seperti firman Allah Taala:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". (al-Baqarah: 30)

Oleh yang sedemikian, Islam telah menyediakan asas-asas kaedah pembentukan sahsiah yang kukuh untuk dijadikan panduan kepada seluruh kaum muslimin. Asas-asas ini dibina atas tiga komponen utama, itu jasmani, ruhani dan nafsani (Abdul Mujib, 2006). Ada juga sarjana yang menyebut tiga komponen itu sebagai jasmani, ruhani dan akal (al-Turki 2006, Nasih °Ulwan, 2003). Begitu juga ada yang membahagikan asas ini kepada empat komponen, iaitu jasmani, emosi, ruhani dan intelek (Sharifah Nirshah & Zulkifli 2008). Walaupun pada zahirnya komponen ini kelihatan berbeza, namun perinciannya adalah hampir sama. Sebagai contoh, aspek nafsani mencakupi akal dan nafsu. Manakala dari aspek akal pula dimasukkan unsur nafsu yang menjadi pesaing akal.

Ketiga-tiga komponen ini adalah saling lengkap melengkapi dan mempengaruhi pembentukan sahsiah individu. Apabila ketiga-tiga dimensi ini diseimbangkan dengan baik dan sempurna, maka sahsiah muslim yang tulen dapat dibangunkan.

3.0 METODOLOGI

Secara umumnya, metodologi kajian yang digunakan untuk kajian ini diyakini dapat membantu penyelidik untuk mendapatkan data yang sah dan sesuai. Selain itu, pemilihan data yang saintifik dan sistematik menjadikan kajian ini boleh mewakili keadaan sebenar populasi kajian. Perkara penting yang dibincangkan dalam metodologi kajian meliputi populasi, sampel, teknik persampelan, instrument kajian dan teknik analisis yang digunakan ke atas data kajian.

3.1 Populasi dan Sampel

Penyelidik berjaya mendapatkan jumlah sebenar pelajar IMTIAZ Terengganu untuk setakat bulan Mei 2011, iaitu sebanyak 1828 orang pelajar. Kumpulan pelajar yang terlibat pula ialah tingkatan tiga, empat dan lima sahaja yang berjumlah 930 orang. Sebagai panduan kepada pengkaji, jadual persampelan yang dicadangkan oleh Sekaran (2005) digunakan dalam teknik pengumpulan data. Sampel kajian yang berjaya dikutip ialah sebanyak 600 orang.

3.2 Instrumen Kajian dan Teknik Analisis

Soal selidik ini dirangka sendiri oleh penyelidik dengan berpandukan kepada kerangka kajian. Selepas soal selidik ini dirangka, penyelidik mendapatkan pengesahan pakar untuk memastikan kesahihan dan kesahan soal selidik ini untuk tujuan kajian.

Kajian rintis telah dilakukan melibatkan sejumlah 40 responden untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan item soal selidik mengikut bahagian yang telah ditetapkan. Menurut Ahmad Sunawari (2009) kesahan ujian ialah apabila ia boleh mengukur apa yang sepatutnya didakwa diukur oleh ujian itu.

Analisis *Cronbach Alpha* telah digunakan untuk menguji tahap ketekalan dengan aras bacaan 0.60 hingga 1.0 mengikut pandangan Mohd Majid Konting (2009: 183) dan Sekaran (2005).

Secara asasnya, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menganalisis data kajian yang dikutip. Ertinya data kajian akan dianalisis menggunakan pendekatan statistik untuk membuat tafsiran dan kesimpulan. Oleh itu, perisian SPSS versi terkini digunakan untuk tujuan ini. Manakala analisis yang digunakan pula meliputi analisis kekerapan, Min dan Ujian t.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hasil soal selidik yang diperolehi daripada responden yang terlibat dalam kajian.

4.1 Demografi

Bagi maklumat demografi responden, aspek jantina, tahap pengajian dan penglibatan persatuan dibincangkan.

4.1.1 Taburan Jantina dan Tingkatan Responden

Jadual 1 menunjukkan bilangan responden mengikut tahap pengajian. Hanya tiga tahap pengajian sahaja yang terlibat iaitu, tingkatan tiga, empat dan lima. Rasional pemilihan tahap pengajian ini sudah dijelaskan dalam bab empat. Tingkatan tiga merupakan responden yang terbanyak terlibat iaitu 256 (42.7%) diikuti dengan tingkatan empat 192 (32%) dan tingkatan lima sebanyak 152 (25.3%).

Berdasarkan jantina, 300 orang responden ialah lelaki manakala 300 yang selebihnya pula adalah perempuan. Nisbah lelaki dan perempuan dalam kajian ini ialah 50: 50.

Jadual 1 Taburan Jantina Mengikut Tingkatan

		Tingkatan			Jumlah
		Tiga	Empat	Lima	
Jantina	Lelaki	152 (25.3%)	79 (13.2%)	69 (11.5%)	300 (50%)
	Perempuan	104 (17.3%)	113 (18.9%)	83 (13.8%)	300 (50%)
Jumlah		256 (42.7%)	192 (32%)	152 (25.3%)	600 (100%)

4.1.2 Taburan Tahap Pengajian dan Penglibatan Persatuan

Keseluruhan responden terlibat dalam aktiviti persatuan. Sebagai ahli biasa adalah jumlah tertinggi, iaitu 439 (73.2%) diikuti dengan ahli jawatankuasa 68 (11.3%). Manakala yang berikutnya ialah setiausaha 26 (4.3%), pengerusi 25 (4.2%), bendahari 21 (3.5%), naib presiden 17 (2.8%) dan penolong kelab renang 4 (0.7%) seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Taburan Tingkatan Mengikut Penglibatan Persatuan

Tingkatan	Penglibatan Persatuan							Jumlah
	Ahli biasa	Penolong kelab renang	AJK	Pengerusi	Naib Presiden	Setiausaha	Bendahari	
Tiga	212 (35.3%)	3 (0.5%)	25 (4.1%)	6 (1%)	1 (0.2%)	3 (0.5%)	6 (1%)	256 (42.7%)
Empat	151 (21.1%)	1 (0.2%)	26 (4.3%)	4 (0.6%)	2 (0.3%)	4 (0.6%)	4 (0.6%)	192 (32%)
Lima	76 (12.6%)	0 (0%)	17 (2.8%)	15 (2.5%)	14 (2.3%)	19 (3.1%)	11 (1.8%)	152 (25.3%)
Jumlah	439 (73.1%)	4 (0.6%)	68 (11.3%)	25 (4.1%)	17 (2.8%)	26 (4.3%)	21 (3.5%)	600 (100%)

4.2 Ujian T

Jadual 3,4, dan 5 menunjukkan Ujian t yang dijalankan untuk melihat perbezaan antara jantina dari tiga aspek, iaitu pengetahuan, sikap dan amalan.

Bagi aspek pengetahuan, perbezaan jantina menunjukkan ada perbezaan yang signifikan (0.046) antara lelaki dan wanita pada komponen rohani. Nilai t adalah bersamaan dengan -1.995 dengan darjah perbezaan adalah 598. Meskipun begitu aspek pengetahuan bagi komponen jasmani dan akal tidak menunjukkan aras signifikan, iaitu tiada perbezaan antara lelaki dan perempuan.

Jadual 3 Ujian t bagi Jantina dan aspek Pengetahuan

Pengetahuan	Ujian t				
	t	df	Sig. (2-hala)	Perbezaan Min	Std. Error Difference
Jasmani	-.948	598	.343	-.02016	.02126
	-.948	596.102	.343	-.02016	.02126
Rohani	-1.995	598	.046	-.06273	.03144
	-1.995	583.307	.046	-.06273	.03144
Akal	-.908	598	.364	-.03098	.03412
	-.908	597.658	.364	-.03098	.03412

Jadual 4 menunjukkan Ujian t yang dilakukan kepada aspek sikap. Tiada perbezaan yang signifikan antara jantina. Oleh itu sikap terhadap ketiga-tiga komponen sahsiah ini tidak menunjukkan perbezaan antara lelaki dan perempuan.

Jadual 4 Ujian t bagi Jantina dan aspek Sikap

Sikap	Ujian t				
	t	df	Sig. (2-hala)	Perbezaan Min	Std. Error Difference
Jasmani	.446	598	.656	.01190	.02672
	.446	594.641	.656	.01190	.02672
Rohani	-.710	598	.478	-.02393	.03370
	-.710	590.338	.478	-.02393	.03370
Akal	1.744	598	.082	.07083	.04061
	1.744	593.049	.082	.07083	.04061

Bagi aspek amalan, ketiga-tiga komponen sahsiah menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan (Jadual 5). Bagi komponen jasmani, aras signifikan yang diperolehi ialah 0.025 dengan darjah perbezaan 598 dan nilai t 2.242, diikuti dengan komponen rohani 0.015 dengan darjah perbezaan ialah 598 dan nilai t 2.429 dan komponen akal 0.000 dengan darjah perbezaannya 598 dan nilai t sebanyak 3.6967.

Berdasarkan ujian t ini boleh disimpulkan bahawa aspek amalan menunjukkan jurang perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam semua komponen sahsiah Muslim. Di samping itu juga terdapat perbezaan pada komponen rohani dari aspek pengetahuan antara responden lelaki dan perempuan.

Jadual 5 Ujian t bagi Jantina dan aspek Amalan

Amalan	Ujian t				
	t	df	Sig. (2-hala)	Perbezaan Min	Std. Error Difference
Jasmani	2.242	598	.025	.06921	.03087
	2.242	581.467	.025	.06921	.03087
Rohani	2.429	598	.015	.09136	.03761
	2.429	590.463	.015	.09136	.03761
Akal	3.967	598	.000	.18228	.04595
	3.967	597.032	.000	.18228	.04595

5.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan persepsi responden kajian, kaedah pembentukan sahsiah yang dilaksanakan di IMTIAZ banyak membantu dari aspek pengetahuan. Hal ini bermaksud para pelajar didedahkan dengan ilmu pengetahuan yang meliputi ketiga-tiga komponen yang dijelaskan.

Bagi komponen jasmani, tahap pengetahuan yang tinggi dalam kalangan pelajar dapat dilihat. Namun dari aspek sikap pula ia lebih rendah. Bahkan dari aspek amalan adalah lebih rendah daripada aspek pengetahuan dan sikap. Komponen rohani juga memperlihatkan bahawa aspek pengetahuan mendominasi aspek sikap dan amalan. Manakala aspek amalan pula adalah yang terendah dalam komponen rohani. Aspek pengetahuan juga tinggi dalam komponen akal. Hal yang sama juga berlaku pada aspek amalan sebagai aspek yang paling rendah angkanya.

Perbezaan jantina juga mempengaruhi tahap pengetahuan, sikap dan amalan responden. Sebagai contoh, pengetahuan aspek rohani antara lelaki dan perempuan adalah berbeza. Namun tahap sikap mereka pula tiada perbezaan pada komponen sahsiah muslim. Dari aspek amalan, faktor jantina menunjukkan perbezaan yang ketara dalam aspek jasmani, ruhani dan akal. Dalam hal ini, responden lelaki didapati lebih mendominasi berbanding dengan responden perempuan.

Secara keseluruhan, boleh dikatakan bahawa kegiatan yang dilaksanakan di IMTIAZ menjuruskan kepada pembentukan sahsiah muslim yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini sedia dimaklumi oleh semua pelajar yang terlibat dalam kajian ini berdasarkan persepsi sampel yang dipilih. Namun kesannya adalah berbeza bagi kategori lelaki dan perempuan khususnya dari aspek amalan. Oleh itu pihak yang berkenaan boleh memulakan inisiatif untuk memastikan program yang dilaksanakan dapat dihayati dan dimanfaatkan kepada semua pelajar IMTIAZ tanpa mengira beza jantina.

Rujukan

- Al-Quran Darul Iman : Al-quran dan terjemahannya. (2007). Kuala Lumpur : Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
- Abdul Mujib. H. M. Ag. (2006). *Kepribadian dalam Psikologi Islam*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. UKM: Jabatan Usuludin dan Falsafah.
- al-Ghamidi, °Ali Khamis Ali Raddad (2003) *al-Insan al-Salih wa Tarbiyatuh min Manzur Islami*. Makkah al-Mukarramah: Dar Tibbiyyah al-Khadra'
- al-Hashimi, Muhammad °Ali. (2002). *Shakhsiyat al-Muslim kama yusawighuha al-Islam fi al-Kitab wa al-Sunnah*. Beyrut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Laporan Program Kebitaraan SMI. (2009). *Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Kali ke Sembilan*. Kuala Terengganu, Terengganu 26 Julai.
- Mohd Asri Abdullah, Kamariah Yusoff, Che Kamaruddin Md Daud, Zawawi Temyati, Ahmad Jailani Sidek, Mohd Shukran Abdul Razak, Mashita Hassan, Khairul Faezi Mohd Said, Baterah Alias, Nosiah Sulaiman, Farahdina Abdul Manaf, Che Hashim Md Said & Azizah Zakaria. (2007). *Prinsip-Prinsip Asas Islam: Syariah, Ibadat dan Akhlak*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Mohd Nasir Omar. (2013). *Akhlak dan Pembangunan Insan: Pendekatan Falsafah*. Bangi: UKM.
- Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Raba, Ahmed M. (2008). *Major Personalities in the Quran*. Kuala Lumpur: A.S Noordin.
- Sekaran, Uma. (2005). *Research Methods for Business: a Skill Building Approach*. Singapore: John Wiley & Sons (Asia) Pte. Ltd.

- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin & Zulkifli Haji Mohd Yusoff. (2008). Perubahan Personaliti Kesan Uslub Tabshir dan Indhar: Kajian Kes di Sekolah Henry Gurney (SHG). *Jurnal Usuluddin, Bil* 27 [2008] 41-59.
- al-Turki, Nasir Bin °Abdullah. (2006). *al-Shaksiyyah wa Manhaj al-Islam fi Bina'iha wa Ri°ayatiha*. Arab Saudi: Jami°ah Imam Muhammad bin Sa°ud al-Islamiyyah.
- Nasih °Ulwan, °Abdullah Nasih. (2003). *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Zakaria Setapa. (2012). *Pendekatan Tasawuf dan Tarekat: Wadah Pemeraksanaan Jati Diri Ummah*. Bangi: UKM.